

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN NEGARA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JAMILAH SULAIMAN

TARIKH : ISNIN, 20 APRIL 2015

SOALAN :

Datuk Jamilah Sulaiman minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah tindakan yang diambil mengenai masalah rungutan pencemaran di sekitar Pelabuhan Kuantan dan kawasan Perindustrian Gebeng akibat aktiviti perlombongan bauksit.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) telah dimaklumkan oleh Kerajaan Negeri Pahang akan perkara ini. Bagi kawasan sekitar Kuantan dan kawasan Perindustrian Gebeng, sebanyak 3 lombong yang beroperasi di bawah lesen / pajakan yang dikeluarkan di bawah Enakmen Mineral Negeri yang dikawalselia oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG). Selain itu, dalam tahun 2014, terdapat 39 pengeluar Bauksit beroperasi di bawah Kanun Tanah Negara yang dikawalselia oleh Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan.

Isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat adalah berkaitan pencemaran akibat pengangkutan bauksit ke pelabuhan untuk dieksport. Dalam hal ini, semua agensi yang terlibat dengan penguatkuasaan termasuk Pejabat Daerah dan Tanah Kuantan, Pejabat Tanah dan Galian, Majlis Perbandaran Kuantan (MPK), Lembaga Pelabuhan Kuantan, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), JMG, dan Jabatan Alam Sekitar telah membuat pemantauan berterusan.

Sekian, terima kasih.